

18 NOV 1999

Mahathir-Keselamatan

DR MAHATHIR YAKIN PILIHAN RAYA BERJALAN LANCAR

PUTRAJAYA, 18 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan pilihan raya umum 29 Nov ini akan berjalan lancar walaupun beliau khawatir ada pihak akan menggunakan samseng bagi mencetuskan kekacauan sebelum itu.

Menurut Perdana Menteri, pasukan keselamatan mempunyai keupayaan yang cukup dan akan bertindak tegas bagi memastikan sebarang rancangan ke arah itu dapat dipatahkan.

"Kita memang menjangka akan adanya cubaan untuk mengganggu kelancaran perjalanan pilihan raya itu daripada pihak pembangkang, terutama beberapa hari sebelum mengundi setelah menyedari harapan mereka untuk menang adalah tipis," kata Dr Mahathir pada pertemuan dengan para pengarang media massa tempatan di pejabatnya di sini.

Yang turut hadir pada perjumpaan itu ialah Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob.

Perdana Menteri berkata, pihak pembangkang akan melemparkan pelbagai tuduhan beberapa hari sebelum mengundi bagi mencetuskan kemarahan penyokong-penyokongnya terhadap Barisan Nasional, termasuk kononnya pilihan raya itu tidak dikendalikan dengan adil dan saksama.

Selain itu, katanya, kerajaan menjangka pihak pembangkang akan menggunakan kumpulan-kumpulan samseng bagi mengganggu kempen-kempen dan ceramah yang dijalankan oleh BN menjelang pilihan raya itu.

"Bagaimanapun, rakyat tidak harus khawatir untuk keluar mengundi kerana pasukan keselamatan kita bukan sahaja bersiap sedia malah mempunyai keupayaan secukupnya bagi menghadapi sebarang kemungkinan," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, kekhuatiran beliau terhadap kemungkinan adanya cubaan untuk mengganggu kelancaran perjalanan pilihan raya itu berasaskan hakikat wujudnya kali ini individu tertentu bersama-sama pembangkang, dan kembalinya semula ke tanah air seorang penyokong kuat individu itu.

Menurutnya, pada tahun 1974, ketika belum menyertai kerajaan, "orang itu" bertanggungjawab mencetuskan rusuhan dengan menggunakan para pelajar untuk keluar berdemonstrasi di jalanan bagi menentang kerajaan.

Selain itu, kata Perdana Menteri, seorang pengikut setia "orang itu" yang pernah melarikan diri ke luar negara selepas sama-sama terbabit mengepalai rusuhan pelajar 1974 kini telah kembali ke tanah air dan telahpun terlibat sama dalam beberapa siri demonstrasi jalanan baru-baru ini.

"Kedaaan kembali tenang selepas 'orang itu' berada di dalam kerajaan. Sebaik saja 'orang itu' tidak lagi berada bersama-sama kerajaan baru-baru ini, beliau terus memulakan sekali lagi demonstrasi menentang kerajaan," katanya.

-- BERNAMA

AM NMO